



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
INLAND REVENUE BOARD OF MALAYSIA
www.hasil.gov.my

DATO' SRI DR. SABIN BIN SAMHAEL, S.S.A.P., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N.
Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(Chief Executive Officer / Director General of Inland Revenue)

Ruj Tuan

Ruj kami : LHDN.01/35/(S)/42/51/179

Tarikh : 8 Mei 2020

YBhg Dato' Sen Dr Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

YBhg Dato' Seri,

SUMBANGAN HADIAH KEPADA KEMENTERIAN KESIHATAN BAGI COVID-19

Saya dengan hormatnya merujuk surat bertarikh 14 April 2020 yang dikemukakan secara salinan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

2. Adalah dimaklumkan LHDNM sentiasa bersedia memberikan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menghadapi wabak COVID-19. LHDNM juga menyokong pihak-pihak penderma yang membantu Kerajaan dengan memberikan sumbangan derma wang tunai dan barangan yang diperlukan dalam usaha memerangi wabak COVID-19.
3. Sehubungan itu, LHDNM berbesar hati berkongsi maklumat insentif potongan cukai yang diberikan kepada pihak-pihak yang mendermakan wang tunai ataupun barangan yang akan digunakan dalam menangani wabak COVID-19 serta membantu rakyat yang terkesan dengan wabak tersebut. Berikut dikongsikan bersama maklumat seperti berikut bagi tujuan tuntutan insentif potongan cukai:

a) Lampiran A

maklumat ringkas peruntukan potongan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 ke atas sumbangan yang dilakukan oleh Penderma berkaitan sumbangan covid-19

b) Lampiran B

Soalan-soalan berhubung sumbangan/derma di bawah subseksyen 34(6) (h) ACP 1967

...(2-

c) Lampiran C

Soalan-soalan berhubung sumbangan/derma di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967

d) Lampiran D

Soalan-soalan berhubung sumbangan/derma di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan maklumbalas berkaitan perkara ini, boleh dimajukan kepada LHDNM melalui :

- a) HASiL Live Chat;
- b) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>: dan
- c) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook – <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter – <https://twitter.com/LHDNMofficial>.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SRI DR. SABIN SAMITAH)

LAMPIRAN A

MAKLUMAT RINGKAS PERUNTUKAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967 KE ATAS SUMBANGAN YANG DILAKUKAN OLEH PENDERMA BERKAITAN SUMBANGAN COVID-19

Bil	Peruntukan	Bentuk Sumbangan	Kelayakan dan Had
1.	<p>Perenggan 34(6)(h) –</p> <p>Sumbangan kepada projek komuniti/amal yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.</p> <p>Projek mestilah berkaitan "<i>services, public amenities and contributions to a charity or community project pertaining to education, health, housing, conservation or preservation of environment, enhancement of income of the poor, infrastructure, information and communication technology or maintenance of a building designated as a heritage site by the Commissioner of Heritage under the National Heritage Act 2005 [Act 645]</i>".</p> <p>Kementerian Kewangan telah mengiktiraf bahawa inisiatif untuk menangani wabak COVID-19 adalah projek komuniti/ amal yang diluluskan di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967.</p> <p>Oleh itu, penyumbang yang membuat sumbangan bagi tujuan ini adalah layak memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun bersamaan dengan amaun sumbangan yang dibuat.</p> <p>Penyumbang perlu mendapatkan nilai sumbangan yang ditentukan oleh KKM/agensi berkaitan. Permohonan hendaklah dibuat terus kepada MOF.</p> <p>Rujuk Garis panduan Khas Permohonan Potongan Cukai Pendapatan Bagi Projek</p>	Tunai atau <i>in-kind</i>	<p>Syarikat dan selain syarikat yang mempunyai pendapatan perniagaan.</p> <p>Potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.</p> <p>Tiada sekatan had sumbangan. Dalam keadaan syarikat mengalami kerugian, kerugian tersebut boleh dibawa ke hadapan namun terhadap kepada 7 tahun taksiran.</p> <p>Tidak layak menuntut amaun yang sama di bawah subseksyen 44(6)</p>

	Contoh 3 Encik Amal menyumbang wang tunai RM1,000 kepada Tabung COVID-19 (Pusat Pengurusan Bencana Negara, JPM). Encik Amal layak mendapat potongan cukai tersebut dengan syarat dokumen sokongan yang berkaitan.		
3.	Subseksyen 44(11C) – Sumbangan kepada projek berkepentingan nasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Sebuah tabung perlu diwujudkan dan diluluskan oleh Menteri Kewangan khusus untuk kepentingan nasional bagi menangani wabak COVID-19. Tabung Relif COVID-19 yang diluluskan dibenarkan menjalankan aktiviti kutipan derma amal untuk membantu pelbagai pihak yang terkesan dari segi kesihatan, sosial dan ekonomi akibat penularan wabak COVID-19. Pihak Tabung relief COVID-19 boleh membuat kutipan derma dalam bentuk sumbangan yang dibenarkan dan menyumbang semula kutipan tersebut kepada pihak yang layak disalurkan sumbangan.	Tunai atau <i>in-kind</i>	Syarikat dan selain syarikat. Potongan daripada pendapatan agregat . Amaun yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun yang tidak boleh melebihi daripada perbezaan antara 10% pendapatan agregat dengan jumlah potongan di bawah proviso subseksyen 44(6) dan subseksyen 44(11B).

PERUNTUKAN LAIN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967 BERKAITAN PERALATAN PERUBATAN

Bil	Peruntukan	Bentuk Sumbangan	Kelayakan dan Had
1.	Subseksyen 44(10) – Sumbangan tunai atau peralatan perubatan kepada pusat rawatan swasta (<i>healthcare facility</i>) yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.	Tunai atau <i>medical equipment</i> <i>*PPE (termasuk topeng muka dan hand sanitizer) adalah bukan "medical equipment"</i> .	Terpakai kepada individu sahaja. Potongan daripada pendapatan agregat. Had potongan maksimum RM20,000 sahaja.

Manakala *medical equipment* tidak didefinisikan.

Namun, ia merujuk kepada "*medical equipment is used mainly for providing therapeutic benefits for certain conditions or illnesses. The use of this equipment must be prescribed by a physician, which is designed to serve a medical purpose. It is a long-term and reusable device that can be used in the hospital or at home for patient care*".

Contoh *Medical equipment* adalah seperti berikut:

- i) *Manual wheelchairs or electric wheelchairs*
- ii) *Hospital beds*
- iii) *Walkers, crutches, canes (or any similar type of mobility assistive equipment)*
- iv) *Traction equipment*
- v) *Pressure mattresses*
- vi) *Insulin pumps*
- vii) *Breast pumps*
- viii) *Nebulizers*
- ix) *Patient Lifts*
- x) *Bili lights and blankets*
- xi) *Kidney machines*
- xii) *Stationary or portable oxygen tanks*
- xiii) *Oxygen Concentrators Ventilators*

Medical consumables pula dirujuk sebagai:

"*Medical consumables and equipment includes syringes, needles, sutures, staples, packaging, tubing, catheters, medical gloves, gowns, masks, adhesives and sealants for wound dressing and a whole host of other devices and tools used with a hospital or surgical environment.*"

Berdasarkan takrifan dan rujukan di atas, PPE (termasuk topeng muka) dan *hand sanitizer* adalah termasuk di dalam *medical consumables* dan bukan *medical equipment*.

Contoh 4

Dialisis Expert Sdn Bhd menyumbang sebuah mesin hemodialisis kepada Pusat Dialisis Walafiat (pusat rawatan swasta yang

**SOALAN-SOALAN BERHUBUNG SUMBANGAN/DERMA DI BAWAH
SUBSEKSYEN 34(6) (h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	Apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan di bawah subseksyen 34(6)(h) ACP 1967?	Sumbangan tunai dan barangan.
2.	Di mana sumbangan di bawah subseksyen 34(6) (h) ACP 1967 boleh disalurkan?	Tabung Covid 19 Kementerian Kesihatan Malaysia.
3.	Siapakah yang boleh memberi sumbangan/ Derma di bawah subseksyen 34(6)(h) ACP 1967?	Penyumbang yang mempunyai pendapatan perniagaan sahaja yang layak mendapat tolakan daripada pendapatan kasar perniagaannya bagi sumbangan yang dibuat.
4.	Apakah prosidur bagi tuntutan pelepasan dan potongan cukai bagi sumbangan tunai di bawah subseksyen 34(6)(h) ACP 1967?	<p>Berikut adalah dokumen yang diterima pakai bagi tujuan sumbangan tunai:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit Rasmi Kerajaan (Kew. 38) ▪ Slip pindahan wang melalui ATM ▪ Slip <i>Cheque Deposit Machine</i> ▪ Slip deposit melalui kaunter bank ▪ Slip pembayaran atas talian ▪ Slip pindahan melalui <i>Interbank Giro (IBG Transfer)</i> ▪ Resit <i>Real Time Electronic Transfer Fund and Securities Systems (RENTAS)</i> ▪ Resit <i>telegraphic (TT)</i> bersama <i>advice of credit</i>
5.	Apakah prosidur bagi tuntutan pelepasan dan potongan cukai bagi sumbangan peralatan/ barangan di bawah subseksyen 34(6)(h) ACP 1967?	<p>Berikut adalah prosidur derma peralatan/ barangan:</p> <p>(i) surat kelulusan asal oleh Kementerian Kewangan,</p> <p>(ii) resit rasmi atau surat akuterima sumbangan daripada badan penerima,</p> <p>(iii) surat pengesahan nilai perkhidmatan/nilai kos projek daripada agensi Kerajaan berkaitan.</p>
6.	Apakah bentuk barangan yang boleh disumbangkan?	<p>Sumbangan yang layak:</p> <p>(i) Peralatan seperti ventilator, katil pesakit dan penghawa dingin.</p> <p>(ii) Bahan guna habis seperti <i>mask, hand sanitizer, glove, test kit</i> dan <i>personal protection equipment (PPE)</i>,</p> <p>(iii) Perkhidmatan seperti kos pembasmian kuman dan sanitasi (jalanraya, bangunan, pasar, tempat ibadat dan lain-lain), kos penyediaan tandas bergerak, kos penghantaran bekalan; atau</p>

**SOALAN-SOALAN BERHUBUNG SUMBANGAN/DERMA DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN**

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	Apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967?	Sumbangan tunai sahaja.
2.	Di mana sumbangan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 boleh disalurkan?	i. Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri, atau ii. Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
3.	Perluakah institusi atau organisasi atau tabung membuat permohonan semula bagi tujuan kutipan sumbangan/derma bagi Covid 19?	Tidak perlu kepada permohonan baru. Institusi atau organisasi atau tabung yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah layak untuk kutipan sumbangan/derma tersebut.
4.	Di manakah maklumat institusi atau organisasi atau tabung boleh diperolehi?	Semakan laman web LHDNM di alamat www.hasil.gov.my
5.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan potongan cukai pendapatan?	Dokumen untuk sumbangan/ derma: (i) Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit Rasmi Kerajaan (Kew. 38) ▪ Slip pindahan wang melalui ATM ▪ Slip <i>Cheque Deposit Machine</i> ▪ Slip deposit melalui kaunter bank ▪ Slip pembayaran atas talian ▪ Slip pindahan melalui <i>Interbank Giro (IBG Transfer)</i> ▪ Resit <i>Real Time Electronic Transfer Fund and Securities Systems (RENTAS)</i> ▪ Resit <i>telegraphic (TT)</i> bersama <i>advice of credit</i> (ii). Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Resit rasmi rasmi institusi atau organisasi atau tabung yang telah diiktiraf oleh LHDNM.
6.	Berapakah amaun potongan pelepasan cukai yang dibenarkan untuk potongan cukai pendapatan?	Kelayakan amaun sumbangan/derma bagi Tujuan potongan cukai: (i). Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri.

**SOALAN-SOALAN BERHUBUNG SUMBANGAN/DERMA DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(11C) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	Apakah bentuk sumbangan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967?	Sumbangan tunai dan barangan.
2.	Di mana sumbangan di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967 boleh disalurkan?	Tabung Relif Covid 19.
3.	Apakah Tabung Relif Covid 19?	Satu tabung yang ditubuhkan atas dasar kepentingan nasional diluluskan oleh Kementerian Kewangan.
4.	Siapakah yang layak untuk menubuhkan Tabung Covid 19 di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967?	<p>Tabung mestilah ditubuhkan di Malaysia dan beroperasi bukan untuk keuntungan dan didaftarkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. sebuah syarikat berhad menurut jaminan di bawah Akta Syarikat 2016 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia). ii. sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Pendaftar Pertubuhan Malaysia) iii. sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri)
5.	Apakah prosedur penubuhan Tabung Relif Covid 19?	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat asas penubuhan Tabung Relif Covid 19 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tempoh kutipan Tabung akan/telah dibuat (tarikh mula dan tarikh akhir) ii. Senarai penyumbang yang akan dikenalpasti (sekiranya ada) iii. Jumlah sasaran sumbangan (sekiranya ada). iv. Penerima sumbangan yang dikenalpasti serta jenis sumbangan (tunai/bahan habis guna/peralatan/ Pembayaran/pembiayaan) <p>Satu akaun khas dan berasingan hendaklah dibuka dan bukti salinan/penyata akaun bank hendaklah dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan.</p>
6.	Kepada siapakan prosedur permohonan boleh dikemukakan?	<p>Permohonan yang lengkap boleh dikemukakan:</p> <p>Setiausaha Bahagian Cukai Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan,</p>

		Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya.
7.	Siapakah pihak yang layak disalurkan sumbangan di bawah Tabung Relief Covid 19?	<p>Pihak yang layak menerima sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan/agensi Kerajaan; • Agensi bukan Kerajaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri; • Hospital kerajaan/swasta; • Universiti awam; • Rumah anak yatim/orang tua/orang kelainan upaya; • Gelandangan/miskin tegar/pelarian; dan • Rumah perlindungan haiwan/zoo. <p>Nota: sumbangan hendaklah tidak bermotifkan keuntungan serta politik; dan penerima sumbangan hendaklah mempunyai no fail cukai pendapatan kecuali gelandangan/miskin tegar/pelarian)</p>
8.	Apakah maklumat yang diperlukan bagi tuntutan pelepasan dan potongan cukai bagi sumbangan tunai di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967?	<p>Berikut adalah maklumat yang diperlukan bagi tujuan sumbangan tunai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama Tabung Relif Covid 19; • Nombor siri resit rasmi; • Tarikh transaksi; • Nama penyumbang; • No kad pengenalan/nombor daftar Perniagaan (penyumbang); • Nilai sumbangan (RM); • No rujukan fail kelulusan Kementerian Kewangan; dan • Tarikh kuat kuasa kelulusan.
9.	Apakah maklumat yang diperlukan bagi tuntutan pelepasan dan potongan cukai bagi sumbangan peralatan/barangan di bawah subseksyen 44(11C) ACP 1967?	<p>Berikut adalah maklumat yang diperlukan bagi tuntutan sumbangan peralatan/barangan:</p> <p>(i) surat kelulusan asal oleh Kementerian Kewangan,</p> <p>(ii) resit rasmi atau surat akuterima sumbangan daripada badan penerima,</p> <p>(iii) surat pengesahan nilai perkhidmatan/nilai kos projek daripada agensi Kerajaan berkaitan.</p>
10.	Apakah bentuk barangan yang boleh disumbangkan?	<p>Sumbangan yang layak:</p> <p>(i) Peralatan seperti ventilator, katil pesakit dan penghawa dingin.</p>